

## Bantuan tetap diteruskan

**JOHOR BAHRU** - Kerajaan memberi jaminan segala bantuan termasuk subsidi kepada petani atau pesawah dan nelayan tetap diteruskan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, tidak ada isu buat dirinya dan kementerian untuk menghentikan bantuan tersebut.

Namun katanya, sejak menerajui kementerian itu, beliau telah meminta pegawainya membuat pemutihan terhadap dua kumpulan berkenaan.

"Ini kerana terdapat fakta atau statistik agak mengelirukan mengenai berapa jumlah sebenarnya pesawah dan nelayan yang sepatutnya me-

nerima bantuan dan subsidi daripada kerajaan.

"Ini penting untuk kita pastikan segala bantuan ini tepat sampai kepada golongan sasaran dan tidak berlaku ketirisan dan penyelewengan. Maksudnya, keadilan mesti diberikan kepada dua kumpulan ini," katanya pada sidang media, semalam.

Beliau mengulas dakwaan terdapat bantuan kepada golongan petani atau pesawah dan nelayan yang telah diberhentikan.

Menurutnya, petani atau pesawah dan nelayan tulen yang mendakwa tidak lagi mendapat bantuan boleh membuat permohonan dan rayuan kepada pihak kementerian.

terian.

"Pegawai saya akan menyemak sekali lagi status mereka, tetapi saya ingin menegaskan tidak timbul langsung isu memberhentikan atau kita tidak lagi memberikan subsidi, atau elaun sara hidup kepada nelayan. Itu tidak benar sama sekali," katanya.

Ahli Parlimen Pulai itu berkata, setakat ini pemutihan dilakukan pihaknya sudah memasuki hampir 90 peratus.

"Saya akui bukan mudah kita buat pemutihan ini. Kita kena berlaku adil. Ada orang marah kenapa dulu saya dapat, sekarang saya tak dapat. Subsidi dan elaun telah diberikan," katanya.